

CIRI-CIRI PROGRAM KERJA SOSIAL YANG BERKESAN UNTUK MEMENUHI PIAWAIAN PENDIDIKAN KERJA SOSIAL

(Effective Social Work Program Feature To Meet Social Work Education Standards)

Nurzaimah Asalal & Haris Abd Wahab

ABSTRAK

Keperluan praktis kerja sosial untuk menangani isu sosial seperti penderaan kanak-kanak, jenayah dalam kalangan kanak-kanak, pengabaian warga tua, gelandangan, pengemis jalanan dan masalah sosial yang melibatkan remaja menyebabkan pentingnya penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial agar pelajar mampu mencapai kompetensi kerja sosial. Kepelbagaian bidang tugas pekerja sosial ini memerlukan pelajar program kerja sosial memerlukan latihan yang komprehensif dan terlatih untuk menjadi pekerja sosial. Penyediaan kurikulum adalah perlu menepati ciri-ciri program kerja sosial yang berkesan ke atas pelajar agar mereka kompetensi dalam praktis kerja sosial. Satu kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti ciri-ciri program kerja sosial yang ditawarkan di universiti mampu memenuhi piawaian pendidikan kerja sosial oleh CSWE. Kemampuan pelajar menguasai piawaian pendidikan kerja sosial ini akan melahirkan pekerja sosial yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam penyampaian perkhidmatan ke atas individu, kumpulan dan komuniti. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan seramai 279 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam. Dapatan kajian menunjukkan, pelajar telah mengikuti ciri-ciri program kerja sosial yang ditawarkan di universiti awam selaras dengan piawaian pendidikan kerja sosial sebagai profesional, nilai dan etika kerja sosial dan kepelbagaian klien.

Kata kunci: Piawaian Pendidikan Kerja Sosial, Program Kerja Sosial, Kompetensi Kerja Sosial

ABSTRACT

Social worker's practical needs to address social issues such as child abuse, crime in children, elderly neglect, homelessness, street beggars and social issues involving adolescents result in the importance of mastering the social work standards of education so that students can achieve social work competencies. This social worker's diversity requires social worker students to require comprehensive and trained training to become social workers. The preparation of the curriculum is necessary to conform to the features of an effective social work program on the students so that they are competent in the practice of social work. A study has been done to identify the features of social work programs offered at universities that are able to meet social work education standards by CSWE. The ability of students to master the social work education standards will produce knowledgeable and skilled social workers in delivering services to individuals, groups and communities. The study applied quantitative methods which involved 279 final year students who participated in social work program in Malaysian Public Universities. The findings showed that students have followed

the features of social work programs offered at public universities in line with social work education standards as a professional, value and ethical work ethic and client diversity.

Keywords: Social Work Education Standard, Social Work Program, Social Work Competency.

PENGENALAN

Menurut Hass (1987) dan kamus New Webster (1992), kurikulum merupakan seluruh pengalaman yang diperoleh oleh setiap individu pelajar dalam suatu program pendidikan bertujuan untuk mencapai sasaran-sasaran yang lebih luas serta objektif-objektif tertentu yang berkaitan yang telah dirancang dalam bentuk teori rangka kerja serta kajian ataupun amalan profesional pada masa lepas dan masa kini (Saedah, 2015). Kurikulum yang diikuti pelajar haruslah mampu menjadikan mereka semakin berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang tertentu. Pembentukan kurikulum kerja sosial adalah perlu berasaskan kompetensi. Oleh sebab, pelajar bakal menjadi pengamal kerja sosial, pengetahuan dan kemahiran praktis kerja sosial perlu dikuasai sejak mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda. CSWE (2008) telah menggariskan sepuluh piawaian pendidikan kerja sosial. Hal ini bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam memenuhi kompetensi kerja sosial dalam praktis. Dalam konteks Malaysia, belum ada piawaian pendidikan kerja sosial untuk menjadi garis panduan terhadap kurikulum kerja sosial di universiti awam. Walau bagaimanapun, pendidikan kerja sosial kini kian meningkatkan dan mendapat perhatian pelajar di universiti. Setakat ini, program kerja sosial telah ditawarkan di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa). Semua universiti tersebut telah menawarkan program kerja sosial. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri program kerja sosial terhadap piawaian pendidikan kerja sosial sebagai profesional dan nilai dan etika kerja sosial yang ditawarkan oleh setiap universiti tersebut.

PROGRAM KERJA SOSIAL DI UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA

Perkembangan pendidikan kerja sosial lebih awal di barat. CSWE telah meluluskan program kerja sosial pada peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1970. Bermula tahun tersebut pelajar lebih ramai memilih kursus kerja sosial di barat. Zastrow (1999) menyatakan pada tahun 1992, CSWE telah menyenaraikan piawaian pendidikan yang harus disediakan dan di akreditasi dalam kursus kerja sosial pada peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di United State. Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati (2014) dalam penulisannya menunjukkan 10,009 orang pelajar telah mengikuti kursus kerja sosial pada tahun 2000 dan bilangan tersebut meningkat kepada 20,029 orang pelajar pada tahun berikutnya di barat. Peningkatan jumlah pelajar yang memilih kursus kerja sosial adalah berikutan peningkatan keperluan kakitangan terlatih dalam profesion kerja sosial. Kepesatan pendidikan kerja sosial ini telah menyebabkan permintaan pasaran kerja dalam bidang kerja sosial juga turut meningkat.

Ezarina (2006) menyatakan pendidikan kerja sosial secara formal telah dilaksanakan sejak tahun 1975 di Malaysia. Pada awalnya, program kerja sosial disediakan untuk mereka yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Pendidikan kerja sosial ini mula ditawarkan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1975 dan terus berkembang pada tahun 1995 (Ismail, 2003). Teoh dan Fuziah (2017) menyatakan UNIMAS menawarkan program kerja sosial bermula

tahun 1993. Diikuti UUM (1997), UKM (2003) dan UMS, UM dan UPM pula menawarkan program kerja sosial awal 1980-an. Terkini UNISZA (2014) baru sahaja menawarkan program kerja sosial.

Universiti awam yang menawarkan program kerja sosial mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Nama kursus yang diberikan biasanya berlainan, namun mencapai objektif yang sama selaras dengan Dasar Pendidikan dan Piawai untuk Pendidikan Kerja Sosial. Kesemua program kerja sosial perlu mencerminkan objektif-objektif seperti yang dinyatakan (JBKPKS, 2006): Tujuan kerja sosial seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen II Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial; Prinsip nilai dan etika kerja sosial; Mengambil kira Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS) sebagai penanda aras dalam pembangunan kandungan kurikulum dan strategi pengajaran serta pembelajaran.

Bagi Universiti Sains Malaysia (USM), program kerja sosial adalah di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Pelajar perlu mengikuti minimum empat tahun pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Merujuk kepada Buku Panduan Sarjana Muda sesi 2014/2015, Objektif Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial merupakan satu program pendidikan kerja sosial yang generik. Program ini ditawarkan untuk memenuhi keperluan negara bagi melatih lebih ramai lagi pekerja sosial yang profesional supaya dapat memberikan perkhidmatan di pelbagai agensi perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial di Malaysia. Selain itu, program ini turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan kebajikan masyarakat dan lain-lain organisasi khidmat manusia kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ke arah memberikan perkhidmatan khidmat manusia yang lebih cekap kepada golongan sasaran dan masyarakat keseluruhannya. Antara objektif utama program Sarjana Muda Kerja Sosial ini adalah seperti berikut:

- i. Memenuhi keperluan tenaga manusia supaya responsif terhadap pelbagai masalah sosial dalam konteks masyarakat penyayang;
- ii. Mengeluarkan graduan pekerja sosial yang mempunyai motivasi, kecekapan, dan komitmen dalam praktis kerja sosial;
- iii. Meluas dan menambahkan pengetahuan pelajar sambil membekalkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran untuk melaksanakan perkhidmatan sebagai pekerja sosial;
- iv. Mengeluarkan lebih ramai lagi graduan kerja sosial yang terlatih dan profesional untuk keperluan badan-badan kerajaan, bukan kerajaan, industri dan sektor swasta;
- v. Menawarkan kursus elektif dalam pelbagai bidang demi menggalakkan praktis kerja sosial khusus dan responsif terhadap perubahan sosial semasa yang berlaku dalam masyarakat;
- vi. Meningkatkan penyelidikan yang boleh mengembangkan ilmu kerja sosial dan membantu negara dalam pembentukan dasar-dasar sosial khidmat manusia.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 1993. Program kerja sosial yang diikuti oleh pelajar adalah minimum selama tiga tahun pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Program ini adalah di bawah Fakulti Sains Sosial. Antara objektif program kerja sosial UNIMAS adalah praktik kerja sosial profesional di Malaysia menjadi jauh lebih relevan dalam beberapa dekad yang lalu kerana pambandaran pesat, perubahan dalam struktur keluarga, mengurangkan rangkaian sokongan tradisional dan semakin banyak masalah sosial. Tujuan utama kerja sosial adalah mengenai peningkatan kesejahteraan manusia dan promosi keadilan sosial dan pembangunan sosial. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh program ini adalah bertujuan untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang interaksi antara manusia dan masyarakat. Pelajar mempelajari teori dan kemahiran dalam kerja sosial untuk membolehkan mereka memainkan

peranan mereka dengan berkesan dalam membantu atau bekerja dengan individu, kumpulan dan komuniti serta merumuskan dasar sosial. Program ini adalah menggambarkan ilmu dari disiplin sains sosial dan sains tingkah laku lain, seperti perancangan, pengurusan, dan komunikasi serta kemahiran interpersonal. Pelajar yang mengikuti program kerja sosial di UNIMAS akan memperoleh kemahiran berikut:

- i. Telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka terlibat dengan sewajarnya dalam konteks sosial, ekonomi dan budaya mereka.
- ii. Mengintegrasikan pengetahuan, nilai dan kemahiran dalam amalan kerja sosial.
- iii. Kritikal menganalisis isu-isu sosial dan masalah yang timbul daripada dinamika sosial terutamanya dalam konteks negara-negara membangun.
- iv. Mempamerkan kemahiran komunikasi yang baik yang diperlukan pada tahap intervensi yang berbeza dalam kerja sosial termasuk amalan pelbagai disiplin.
- v. Menunjukkan empati dan kesedaran mengenai tahap budaya dan peribadi.
- vi. Menanamkan nilai teras kerja sosial dengan menekankan amalan anti-diskriminasi, keadilan sosial, kepelbagaian, kesaksamaan dan hak asasi manusia.
- vii. Mengikuti kritikal dalam isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan kecekapan profesional dalam kerja sosial.

Universiti Utara Malaysia (UUM) mula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 1997 (Sinnasamy, 2006). Program ini akan diikuti pelajar selama minimum empat tahun. Program ini di bawah Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains. Abdul Razak dan Zakiyah (2002) menyatakan tonggak utama dalam kecemerlangan pendidikan kerja sosial adalah:

- i. Tingkah laku manusia dan persekitaran sosial. Pelajar yang mengambil kursus kerja sosial perlu didedahkan dengan teori-teori sistem sosial termasuklah perkembangan bio psiko-sosial. Pendedahan ini mampu menjadikan pelajar mempunyai pengetahuan untuk menyelesaikan masalah klien dengan mengenal pasti faktor utama penyumbang kepada masalah klien. Kategori ini menjadikan pelajar lebih berpengetahuan.
- ii. Dasar dan kebajikan perkhidmatan sosial. Pelajar seharusnya didedahkan dalam aspek dasar sosial, politik dan organisasi yang digunakan untuk mempengaruhi polisi. Pelajar juga perlu mempunyai pengetahuan tentang pembentukan dan penggubalan polisi yang kompleks untuk dijadikan panduan dalam sistem perkhidmatan sosial sama ada kerajaan, swasta dan sukarelawan.
- iii. Amalan kerja sosial. Pelajar perlu diberi pendedahan tentang amalan kerja sosial yang merangkumi peringkat mikro, meso dan makro. Pekerja sosial perlu mengenal pasti kumpulan sasar dalam memberi pertolongan kepada klien. Pada peringkat mikro, pekerja sosial hanya melibatkan individu. Pada peringkat meso, pekerja sosial perlu melibatkan keluarga dan rakan. Seterusnya pada peringkat makro, pekerja sosial perlu melibatkan perancangan sosial dan pengorganisasian komuniti. Pelajar yang mengambil kursus kerja sosial perlu jelas tentang amalan kerja sosial agar proses bantuan yang diberikan kepada klien akan lebih berkesan.
- iv. Penyelidikan. Penyelidikan adalah teras utama kerja sosial. Sebagai pekerja sosial haruslah menjalankan penyelidikan agar sentiasa terdapat pembaharuan sama ada dari segi perkhidmatan mahupun polisi. Penyelidikan sememangnya dapat membantu pekerja sosial agar memastikan segala proses pertolongan yang diberikan selari dengan perkembangan masyarakat semasa.
- v. Latihan industri/praktikum. Praktikum merupakan kursus wajib kepada pelajar yang mengambil kursus kerja sosial. Praktikum dapat membantu pelajar untuk memberi gambaran awal tentang proses pertolongan ke atas klien. Praktikum juga boleh

mengenal pasti kelemahan pelajar sama ada mampu mengendalikan masalah klien atau sebaliknya.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 2003. Pelajar mengikuti program kerja sosial selama minimum tiga tahun. Program kerja sosial ditawarkan di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Antara objektif fakulti ini adalah untuk melahirkan siswazah yang berkemahiran untuk menjalankan kerja-kerja sosial dan pertolongan manusia serta berupaya menjana secara kreatif perkhidmatan manusia yang peka kepada keperluan kesejahteraan manusia. Program ini menawarkan beberapa bidang kerja sosial utama iaitu kebajikan sosial, dasar sosial, dadah dan pemulihan, kesihatan mental, gerontologi, orang kelainan upaya dan pengurusan bencana.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga turut menyediakan program kerja sosial. Teoh dan Fuziah (2017) menyatakan UMS menawarkan program kerja sosial pada awal 1980-an. Program kerja sosial ditawarkan selama minimum tiga tahun pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Program kerja sosial kini di bawah Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Program Kerja Sosial secara umum bertujuan untuk menyediakan bakal-bakal pekerja sosial profesional yang berdedikasi, berinovasi serta mempunyai perspektif yang menyeluruh terhadap fahaman masyarakat serta isu dan masalahnya. Ia juga bertujuan meninggikan pengetahuan, kemahiran tentang proses menolong dan perancangan dalam intervensi kerja sosial. Selain itu, program ini bertujuan mewujudkan satu dampak profesional yang peka kepada keperluan dalam masyarakat dan berusaha mencapai kualiti kehidupan yang dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat; dan melengkapkan kepakaran dalam menjalankan perkhidmatan dan penyelidikan yang akan membantu dalam pembentukan dasar dan perancangan sosial.

Universiti Malaya (UM) mula menawarkan program pengajian sosial pada peringkat diploma yang dahulunya bertempat di Singapura pada tahun 1952 (Fuziah dan Ismail, 2013). Walau bagaimanapun, program kerja sosial hanya diperkenalkan pada awal 1980-an dan ditawarkan sebagai subjek minor iaitu Rancangan Pentadbiran Dan Keadilan Sosial. Pada tahun 1987 dan mula beroperasi pada 29 Mac 1993, program kerja sosial ditawarkan menerusi Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial sebagai subjek major sahaja. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Sebelum ini, program kerja sosial diikuti oleh pelajar selama minimum tiga tahun menerusi Ijazah Sarjana Muda Sastera. Namun, program ini telah diubahsuai kepada Ijazah Sarjana Pentadbiran Sosial pada sesi pengajian 2017/2018 dan pelajar perlu mengikuti minimum selama tiga tahun dan setengah. Matlamat program ini adalah untuk menghasilkan graduan yang professional, beretika dan beriltizam dalam bidang perkhidmatan manusia agar mampu menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan Negara.

Menurut Buku Panduan sesi pengajian 2016/2017, inti pati utama jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial adalah merangkumi kerja sosial, pentadbiran sosial, dasar sosial, kebajikan sosial, pengurusan sosial dan keadilan sosial. Penawaran kursus-kursus tersebut adalah selaras dengan keperluan universiti dalam membantu menangani masalah sosial yang berlaku di dalam masyarakat dan Negara. Oleh itu, jabatan amat komited dalam melahirkan modal insan berkemahiran yang dilengkapi dengan pelbagai amalan dan teknik kerja sosial yang boleh membantu mereka menangani masalah sosial dalam masyarakat dan Negara dengan berkesan pada masa akan datang. Terdapat lapan objektif utama program kerja sosial di jabatan ini adalah:

- i. Menguasai teori, pendekatan dan metodologi pentadbiran sosial.
- ii. Mengurus masalah sosial mengikut etika dan kemahiran pentadbiran sosial
- iii. Mengamalkan nilai dan tanggungjawab sosial dalam mengendali kehidupan harian untuk diri sendiri dan anggota masyarakat.

- iv. Mengaplikasikan kemahiran kerja sosial mengikut etika dan profesionalisme dalam pentadbiran sosial.
- v. Memiliki kemahiran interpersonal kepimpinan dan kerja berpasukan yang baik serta mengamalkannya secara berkesan dalam perkhidmatan manusia.
- vi. Menunjukkan kemampuan untuk mentadbir urus penyelidikan, mensintesis maklumat, bukti andaian dan hujah dan membantu menyelesaikan masalah sosial serta membuat keputusan secara professional mengenai pelan tindakan dan penilaian dalam bertindak balas dengan situasi sosial sebenar.
- vii. Mencari, mengurus dan menggunakan maklumat sebagai asas kepada pembelajaran sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat dalam membincangkan isu sosial.
- viii. Memiliki kemahiran untuk menjalankan penyelidikan dan kerja perundingan dalam bidang pentadbiran dan keadilan sosial.

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menawarkan program kerja sosial menerusi Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan di bawah Fakulti Ekologi Manusia. Pelajar mengikuti program ini selama minimum empat tahun. Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan (JSKP) memberi tumpuan kepada pengajian dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Pembangunan seperti Antropologi, Psikologi, Sosiologi, Kerja Sosial, Pembangunan Komuniti, dan Pengajian Bandar dan Wilayah. JSKP mempunyai matlamat berikut:

- i. Melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang sains sosial.
- ii. Menjadi pusat kecemerlangan bagi penyelidikan dalam pelbagai bidang sains sosial dan kemanusiaan di rantau ini.
- iii. Memberi perkhidmatan komuniti serta perundingan kepada pelbagai agensi dan kelompok yang berkaitan.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) merupakan universiti yang baru sahaja menawarkan program kerja sosial pada tahun 2014. Program kerja sosial ditawarkan kepada pelajar selama minimum empat tahun di bawah Fakulti Sains Sosial Gunaan. Menurut Buku Panduan sesi 2017/2018, program ini bertujuan melahirkan graduan yang berupaya mengguna, menguasai serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang khidmat sosial, pemulihan dan jagaan dan seterusnya menjana pekerjaan dan bersaing dalam pasaran bagi memenuhi keperluan semasa. Antara objektif program kerja sosial ditawarkan adalah:

- i. Memberikan pendedahan secara prinsip dan teori dalam ilmu pengetahuan berkaitan khidmat sosial, pemulihan dan jagaan;
- ii. Memperkenalkan metodologi, alatan dan prosedur yang bersesuaian dalam bidang khidmat sosial, pemulihan dan jagaan;
- iii. Menerapkan elemen penyelidikan dan inovasi dalam pembelajaran;
- iv. Memupuk ciri profesional yang beretika, mahir dalam berkomunikasi dan mampu bekerja dalam kumpulan serta mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi;
- v. Menerapkan ciri keusahawanan yang berdaya saing dan inovatif dalam industri khidmat sosial, pemulihan dan jagaan;
- vi. Memberi kesedaran terhadap kepentingan pengembangan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Matlamat dan objektif program amat sesuai selaras dengan visi universiti untuk menjadi sebuah universiti yang tersohor di persada dunia yang mampu melahirkan seorang pemimpin yang berbakat, berfikiran jauh, berilmu, berbudaya tinggi dan berakhlak mulia, di

sampling misi universiti adalah untuk menzahirkan insan yang berkemahiran dalam teknologi pengurusan melalui kecemerlangan akademik dan keterlibatan komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel dan Wallen, 1996).

Kajian ini hanya melibatkan enam buah universiti awam sebagai lokasi kajian. Antaranya USM, UUM, UM, UKM, UMS dan UnisZa. Program kerja sosial yang ditawarkan oleh universiti awam tersebut adalah di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, UUM, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, Fakulti Sains Sosial Gunaan, UnisZA dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS. Pemilihan lokasi kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri responden yang sesuai untuk pengkajian ini. Ciri-ciri responden adalah pelajar tahun akhir program kerja sosial dan pelajar yang telah atau sedang menjalani latihan industri di agensi tertentu.

Populasi kajian ini merupakan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam yang telah dipilih. Seramai 1,238 orang pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam bagi sesi 2017/2018. Bagi tujuan kajian ini, populasi kajian hanya melibatkan pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian yang telah atau sedang menjalani latihan industri di agensi tertentu. Secara keseluruhannya, seramai 340 orang pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian program kerja sosial terlibat dalam pengajian ini. Walau bagaimanapun, hanya seramai 279 orang pelajar program kerja sosial yang bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Pelajar yang tidak turut serta untuk mengisi borang soal selidik adalah dianggap tidak bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Relevan pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian kerana pelajar tahun akhir adalah pelajar yang telah mengikuti sebilangan besar kursus yang ditawarkan dalam program kerja sosial. Pelajar tersebut juga mempunyai pengalaman praktikum dan memahami piawaian pendidikan kerja sosial yang telah dipelajari sepanjang pengajian (Ezarina, 2006). Teknik persampelan yang digunakan untuk kajian ini adalah persampelan rawak berlapis. Persampelan rawak berlapis adalah sesuai untuk pengkajian ini kerana hanya melibatkan pelajar tahun akhir program kerja sosial daripada keseluruhan jumlah pelajar yang mengikuti program tersebut. Hal ini selaras dengan pernyataan Chua (2006) iaitu persampelan rawak berlapis adalah melibatkan sub-sampel daripada sub-populasi kajian.

Teknik utama yang digunakan untuk pengumpulan data primer adalah borang soal selidik. Satu set borang soal selidik telah dibina dan diedarkan kepada responden kajian oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat kajian. Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 20. Bagi mengukur kebolehpercayaan borang soal selidik kajian, ujian Cronbach Alpha telah digunakan menerusi program SPSS. Secara keseluruhannya nilai Cronbach Alpha adalah diterima mengikut pandangan Fraenkel dan Wallen (1996) (.984). Pengkaji telah melakukan analisis dengan '*Crosstabs*'. *Dependent* kajian adalah tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial. Manakala *Independent* kajian adalah ciri-ciri program kerja sosial. Hasil analisis daripada *Crosstabs* yang digunakan oleh pengkaji untuk membentangkan dapatan kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1) Ciri-Ciri Program Kerja Sosial: Kerja Sosial Sebagai Profesional

Kerja sosial sebagai profesional merupakan piawaian pendidikan kerja sosial yang pertama yang digariskan oleh CSWE (2008). Bagi memenuhi piawaian pendidikan kerja sosial sebagai profesional, pelajar telah diberi pengetahuan menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial. Berdasarkan Buku Panduan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), nama kursus yang ditawarkan adalah sama. Begitu juga dengan kursus yang ditawarkan oleh Western Illinois University yang menunjukkan kursus 'Introduction to Social Work' menjadi kursus yang memberi pengetahuan tentang pengenalan kerja sosial, profesion kerja sosial dan perkhidmatan kerja sosial. Kursus Pengantar Kerja Sosial memerlukan pelajar memperoleh pengetahuan tentang pengenalan kerja sosial iaitu tentang peranan dan perkhidmatan kerja sosial yang perlu pelajar ketahui untuk kompeten dalam praktis sebenar (Michelle, 2016).

i) *Pengenalan Peranan Kerja Sosial*

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan semua pelajar menyatakan telah mempelajari 'pengenalan kepada peranan dan tanggungjawab kerja sosial' menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial (Jadual 1). Menerusi kursus ini, pelajar diberikan pengetahuan tentang 13 peranan utama pekerja sosial dalam praktis iaitu pemampu, pelindung, penghubung, memperkasa, sukarelawan, pengantara, perunding, pendidik, pemula, penyelar, penyelidik, pemudah cara dan pembicara awam (Sheafor dan Horejsi, 2012). Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (100%) dan tinggi (100%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari pengenalan kepada peranan dan tanggungjawab kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial.

Kajian Kati (2002) menunjukkan kurikulum kerja sosial adalah salah satu medium utama untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang peranan dan tanggungjawab pekerja sosial. Hal ini sama dengan pandangan Fook (2002) yang menyatakan pengetahuan yang diperoleh pelajar akan menjadikan mereka mampu menyampaikan perkhidmatan mengikut peranan dan tanggungjawab yang telah dipelajari. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi pengurusan tugas. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya mengenal pasti tugas dalam praktis dan kebolehan mereka mengikut tugas yang telah ditetapkan di bawah Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia.

ii) *Memahami Profesion Kerja Sosial*

Menurut Maidatulakmal (2012) dan Azhar (2007), pelajar yang memasuki universiti selalunya masih kurang pengetahuan tentang bidang pembelajaran dan bidang tugas yang perlu mereka jalani kelak. Oleh sebab bidang kerja sosial masih kurang dalam praktis, ini

akan mempengaruhi pandangan pelajar tentang profesion kerja sosial yang sedia ada di Malaysia. Pengenalan kepada profesion kerja sosial adalah perlu agar pelajar sedia untuk mengikuti pengajian di bidang kerja sosial serta mampu menyampaikan perkhidmatan dalam praktis kerja sosial. Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (99.0%) pelajar menyatakan telah memahami dengan jelas asas pengetahuan profesion kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial (Jadual 1). Terdapat sebilangan kecil (0.7%) pelajar yang menyatakan tidak terhadap kursus tersebut. Penemuan ini menunjukkan pelajar telah mempelajari tentang profesion kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelajar yang menyatakan tidak. Pandangan pelajar ini mungkin dipengaruhi oleh perbezaan nama kursus yang diikuti semasa dalam kuliah. Sebilangan kecil pelajar menganggap mereka mempelajari kursus tersebut menerusi kursus 'Kemahiran Asas Kerja Sosial'. USM telah menawarkan satu kursus khas yang memberi pengetahuan tentang profesion kerja sosial kepada pelajar iaitu Kemahiran Asas Kerja Sosial.

Kajian Orit dan Roni (2015) dan Kati (2002) menunjukkan pelajar sememangnya akan mengikuti beberapa kursus untuk memberi kefahaman tentang profesion kerja sosial. Kebanyakan kursus yang disediakan akan memberi pengetahuan sama ada secara mendalam ataupun hanya sekadar pengetahuan asas. Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (98.6%) dan tinggi (100%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari profesion kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pengetahuan tentang profesion kerja sosial akan melahirkan pelajar yang kompeten. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi pengurusan tugas. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berkebolehan mengkaji semula serta belajar dari tugas yang dirancang dan pendekatan yang dilaksanakan.

iii) Perkhidmatan kerja sosial

Perkhidmatan kerja sosial disesuaikan di pelbagai institusi iaitu kebajikan, perubatan, pendidikan, keselamatan dan organisasi sosial (Sheafor dan Horejsi, 2000). Pelajar akan diberi pengetahuan tentang perkhidmatan kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial. Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (99.0%) pelajar menyatakan telah mempelajari tentang menghubungkan klien dengan perkhidmatan kerja sosial menerusi kursus Pengantar kerja Sosial (Jadual 1). Terdapat sebilangan kecil (0.7%) pelajar yang menyatakan tidak terhadap pernyataan tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan sebilangan besar pelajar telah mempelajari tentang perkhidmatan kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang menyatakan tidak. Pandangan pelajar ini mungkin dipengaruhi oleh perbezaan nama kursus yang diikuti. Pelajar menganggap kursus 'Organisasi dan Pentadbiran Khidmat manusia' sebagai kursus yang khusus memberikan pengetahuan tentang perkhidmatan kerja sosial. Menerusi kursus tersebut pelajar diberikan pengetahuan tentang institusi perkhidmatan manusia yang berkaitan dengan bidang kerja sosial.

Kajian Larry (2003) menunjukkan pelajar diberikan pengetahuan tentang perkhidmatan kerja sosial dalam beberapa kursus yang berlainan. Kebanyakan kursus yang diikuti pelajar menyediakan pengetahuan yang pelbagai untuk menjadikan pelajar lebih

kompeten dan memahami tanggungjawab mereka dalam pelbagai perkhidmatan. Hal ini selaras dengan kajian Michelle (2016) yang menunjukkan pelajar memerlukan beberapa kursus pendidikan kerja sosial untuk memahami perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang kerja sosial. Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (98.6%) dan tinggi (100%) turut menyatakan ‘Ya’ terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari perkhidmatan kerja sosial menerusi kursus Pengantar Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi keupayaan bekerja secara profesional dalam seting organisasi. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan komited kepada organisasi dan misi perkhidmatan.

Jadual 1: Kerja Sosial Sebagai Profesional

Nama kursus	Ciri-Ciri Program Kerja Sosial	Rendah (N=62)		Sederhana (N=146)		Tinggi (N=71)		Jumlah (N=279)		df	X ²
		YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK		
Pengantar Kerja Sosial	Pengenalan kepada peranan dan tanggungjawab kerja sosial.	62	0	146	0	71	0	279	0	2	1.835
		100	0.0	100	0.0	100	0.0	100	0.0		
		62	0	144	2	71	0	277	2		
	Memahami dengan jelas asas pengetahuan profesion kerja sosial.	100	0.0	98.6	1.4	100	0.0	99.0	0.7	2	1.835
		62	0	144	2	71	0	277	2		
		100	0.0	98.6	1.4	100	0.0	99.0	0.7		
	Menghubungkan klien dengan perkhidmatan kerja sosial.	100	0.0	98.6	1.4	100	0.0	99.0	0.7		

Nota: N= Jumlah *Signifikan pada aras $P \leq 0.05$ **Signifikan pada aras $P \leq 0.01$ ***Signifikan pada aras $P \leq 0.000$

2) Ciri-Ciri Program Kerja Sosial: Nilai dan Etika Kerja Sosial

Nilai dan etika kerja sosial merupakan piawaian pendidikan kerja sosial yang kedua yang digariskan oleh CSWE (2008). NASW (1996) menyenaraikan beberapa nilai dan etika yang wajib dipelajari oleh pelajar yang mengikuti program kerja sosial di peringkat Sarjana Muda iaitu nilai memberi komitmen kepada klien, kerahsiaan, komitmen kepada perubahan sosial, pengurusan konflik nilai sendiri, memberi hak kepada klien, menghormati perbezaan agama dan budaya, penerimaan, menangani ketidakadilan sosial, menghormati klien, kepentingan perhubungan antara manusia dan meningkatkan kemahiran profesional. Bagi memenuhi piawaian pendidikan nilai dan etika kerja sosial, pelajar telah mempelajari tentang nilai dan etika kerja sosial menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial di USM. Setiap universiti menawarkan nama kursus yang berlainan iaitu undang-undang dan kerja sosial di UKM, Etika dan Undang-Undang dalam Profesion Bantuan di UUM, Falsafah, Etika, dan Hak Asasi dalam Kerja Sosial di UMS, Nilai, Etika dan Praktis Profesional di UnisZa dan kursus Prinsip Kerja Sosial di UM. Nama kursus tersebut agak berbeza dengan universiti di barat. Contohnya di Columbia School of Social Work dan Western Illinois University menyediakan nama kursus yang sama untuk menyediakan pengetahuan tentang nilai dan etika kerja sosial iaitu ‘Generalist Social Work Practice’ yang mempunyai tiga bahagian. Walaupun setiap universiti di Malaysia menawarkan nama kursus yang berlainan, namun setiap kursus tersebut menyediakan pengetahuan tentang nilai dan etika kerja sosial. Antara ciri-ciri program kerja sosial yang terdapat dalam kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja

Sosial adalah pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional, mengamalkan etika berdasarkan NASW, mengamalkan etika dalam prinsip perbincangan dan bertoleransi terhadap kekaburan dalam menyelesaikan konflik nilai.

i) Pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (99.6%) pelajar yang menyatakan telah mempelajari pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial (Jadual 2). Terdapat sebilangan kecil (0.4%) pelajar yang menyatakan tidak terhadap pernyataan tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan sebilangan besar pelajar menyatakan telah mempelajari nilai peribadi ke arah nilai profesional menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial walaupun setiap universiti menawarkan nama kursus yang berlainan. Kajian Larry (2003) menunjukkan nama kursus kerja sosial selalunya diselaraskan mengikut CSWE. Hal ini akan memudahkan pelajar mengikuti sesebuah kursus dengan lebih mendalam selaras dengan tajuk kursus yang disediakan oleh universiti. Terdapat segelintir pelajar menyatakan nama kursus yang sesuai dengan pengetahuan pelajar akan meningkatkan minat dan kefahaman pelajar terhadap kursus yang diikuti. Kajian ini selaras dengan kajian oleh Toohey (1999), Romberg (1998) dan Frey, Frei dan Langeheine (1989) yang menunjukkan kurikulum kerja sosial perlu menyediakan kursus yang menjadikan pelajar lebih kompeten dalam praktis sebenar.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (100%) dan tinggi (99.6%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pengetahuan pelajar tentang pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional akan melahirkan pelajar yang kompeten. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi tingkah laku beretika. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya mempelajari dan memahami kod etika profesional dan berkebolehan untuk mengaplikasikan kod etika profesional dalam praktis.

ii) Mengamalkan etika mengikut ketetapan NASW

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (99.6%) pelajar menyatakan telah mempelajari etika mengikut ketetapan NASW menerusi kursus Falsafah, Nilai, dan Etika Kerja Sosial (Jadual 2). Terdapat sebilangan kecil (0.4%) pelajar menyatakan tidak terhadap pernyataan tersebut. NASW (1996) telah menyenaraikan beberapa nilai dan etika kerja sosial untuk pengamal kerja sosial dalam praktis. Sheafor dan Horejsi (2012), Zastrow (2004) dan Ezarina (2006) ada menyatakan nilai dan etika kerja sosial yang digariskan oleh NASW perlu menjadi pegangan pengamal kerja sosial. Nilai dan etika kerja sosial adalah untuk mengawal, melindungi dan sebagai prosedur bagi pekerja sosial dalam penyampaian perkhidmatannya ke atas klien (Eileen, 2001). Selain itu, nilai dan etika kerja sosial dapat mengukuhkan lagi hubungan pekerja sosial dengan klien kerana berpegang dengan aspek penerimaan dan kerahsiaan. Kedua-dua aspek tersebut adalah aspek utama yang menyebabkan klien sedia menerima perkhidmatan daripada pekerja sosial. Penemuan

kajian ini menunjukkan pelajar telah mempelajari etika mengikut ketetapan NASW menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (99.3%) dan tinggi (100%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang etika mengikut ketetapan NASW kod etika menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pengetahuan pelajar tentang etika mengikut ketetapan NASW kod etika akan melahirkan pelajar yang kompeten. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi tingkah laku beretika dan bekerja mengikut etika kerja sosial. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya mempelajari dan memahami kod etika profesional dan berkebolehan untuk mengaplikasikan kod etika profesional dalam praktis.

iii) Mengamalkan etika dalam prinsip perbincangan

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (99.6%) pelajar telah mempelajari 'mengamalkan etika dalam prinsip perbincangan' menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial (Jadual 2). Hanya segelintir (0.4%) pelajar yang menyatakan tidak terhadap pernyataan tersebut. Mengamalkan etika dalam prinsip perbincangan bermaksud kesediaan seorang pekerja sosial dalam menerima kepelbagaian agama, etnik, keunikan serta kepelbagaian keupayaan klien dalam menyampaikan perkhidmatannya. Eileen (2001) menunjukkan pengetahuan pelajar tentang kepelbagaian klien adalah perlu untuk memudahkan mereka mengamalkan nilai dan etika kerja sosial dalam praktis. Hal ini selaras dengan kajian Larry (2003) yang menunjukkan kursus yang diikuti oleh pelajar akan mampu menambahkan atau meningkatkan kemahiran mereka semasa dalam praktis sebenar. Kajian Michelle (2016) dan Gary, Meenaghan et al. (2002) ada menyatakan bahawa pekerja sosial yang kompeten dalam mempraktikkan nilai dan etika kerja sosial adalah berdasarkan pengajian mereka di peringkat Sarjana Muda. Penemuan ini menunjukkan pelajar telah mempelajari etika prinsip perbincangan menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (99.3%) dan tinggi (100%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang etika dalam prinsip perbincangan menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pengetahuan pelajar tentang etika dalam prinsip perbincangan akan melahirkan pelajar yang kompeten. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi tingkah laku beretika. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya untuk menyedari dan mengambil kira pegangan moral orang lain dan mengenal pasti bagaimana untuk mengaplikasikan kepercayaan moral dalam kehidupan sendiri dan orang lain.

iv) **Menyelesaikan konflik etika**

Collins (2014), Berger (2010) dan Magnus (2009) menyatakan pekerja sosial sering mengalami konflik etika semasa dalam praktis. Bagi menyelesaikan konflik etika dalam diri individu pekerja sosial, pendedahan dengan kursus nilai dan etika kerja sosial adalah perlu sejak mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda. Secara keseluruhannya, sebilangan besar (98.6%) pelajar menyatakan telah mempelajari 'bertoleransi terhadap kekaburan dalam menyelesaikan konflik etika' menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial di universiti (Jadual 2). Oleh sebab nilai dan etika kerja sosial digariskan oleh NASW (1996) bersifat global. Bagi sesetengah negara, terdapat nilai dan etika yang bertentangan dengan prinsip agama sesebuah negara. Oleh itu, sebagai pengamal kerja sosial, pemahaman dan penerimaan terhadap nilai dan etika kerja sosial adalah perlu agar tidak terjadinya konflik etika. Menurut Gummer dan Congress (1997), nilai dan etika kerja sosial yang digariskan oleh NASW adalah untuk memandu pekerja sosial dalam praktis yang sebenar. Hal ini selaras dengan kajian Larry (2003) yang menunjukkan penyediaan kursus tentang nilai dan etika kerja sosial adalah wajib bagi melahirkan pelajar yang mampu menangani konflik etika semasa dalam praktis. Penemuan kajian ini menunjukkan pelajar telah mempelajari nilai dan etika kerja sosial menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika kerja sosial.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (98.6%) dan tinggi (97.2%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang bertoleransi terhadap kekaburan dalam menyelesaikan konflik etika menerusi kursus Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pengetahuan pelajar tentang bertoleransi terhadap kekaburan dalam menyelesaikan konflik etika akan melahirkan pelajar yang kompeten. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mampu mencapai kompetensi tingkah laku beretika. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya untuk mengenal pasti dan mengaplikasikan penaaakulan moral (baik/ tidak baik, betul/ salah, kemudaratan minimum/ kebaikan maksimum) tanpa menghukum atau meletakkan nilai sendiri terhadap orang lain.

Jadual 2: Nilai dan Etika Kerja Sosial

Nama kursus	Ciri-Ciri Program Kerja Sosial	Rendah (N=62)		Sederhana (N=146)		Tinggi (N=71)		Jumlah (N=279)		df	X ²
		YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK		
Falsafah, Nilai Dan Etika Kerja Sosial	Pengurusan nilai peribadi ke arah nilai profesional.	62	0	146	0	70	1	278	1	2	2.940
		100	0.0	100	0.0	98.6	1.4	99.6	0.4		
		62	0	145	1	71	0	278	1	2	.914
Falsafah, Nilai Dan Etika Kerja Sosial	Mengamalkan etika mengikut ketetapan NASW kod etika.	100	0.0	99.3	0.7	100	0.0	99.6	0.4		
		62	0	145	1	71	0	278	1	2	.914
		100	0.0	99.3	0.7	100	0.0	99.6	0.4		
Falsafah, Nilai Dan Etika Kerja Sosial	Mengamalkan etika dalam prinsip perbincangan.	62	0	144	2	69	2	275	4	2	1.867
		100	0.0	98.6	1.4	97.2	2.8	98.6	1.4		
		62	0	144	2	69	2	275	4	2	1.867
Falsafah, Nilai Dan Etika Kerja Sosial	Bertoleransi terhadap kekaburan dalam menyelesaikan konflik etika.	100	0.0	98.6	1.4	97.2	2.8	98.6	1.4		
		62	0	144	2	69	2	275	4	2	1.867

Nota: N= Jumlah *Signifikan pada aras $P \leq 0.05$ **Signifikan pada aras $P \leq 0.01$ ***Signifikan pada aras $P \leq 0.000$

3) Ciri-Ciri Program Kerja Sosial: Kepelbagaian Klien

Kepelbagaian klien merupakan salah satu piawaian pendidikan kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (2008). Pemahaman dan pengetahuan pelajar tentang aspek kepelbagaian adalah meliputi persempadanan antara klien berdasarkan kaum, bangsa, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta latar belakang klien (Ezarina, 2006). Bagi memenuhi piawaian pendidikan kepelbagaian klien, pelajar telah mempelajari tentang kepelbagaian klien menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial. Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar beberapa kemahiran praktik kerja sosial. Umumnya, tumpuan dibuat untuk mempelajari kemahiran khusus bekerja dengan orang perseorangan dalam konteks pembangunan diri dan penyelesaian masalah melibatkan kepelbagaian klien. Walau bagaimanapun, pelajar boleh mengikuti kursus khusus tentang kepelbagaian klien seperti Hubungan Etnik dan Rasisme, Agama dan Hubungan Sosial, Psikologi Tak Normal, Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial dan Kerja Sosial dengan Kanak-kanak, Remaja dan Keluarga di USM. Setiap universiti menawarkan nama kursus yang berlainan tetapi masih mempunyai maklumat yang sama mengikut kepelbagaian klien. Antaranya, kursus Pengurusan Kerja Sosial di UKM, kursus Kerja Sosial dengan Kanak-kanak dan Remaja, Khidmat Bersepadu untuk Golongan Orang Kurang Upaya, Agama dan Kebajikan dan Kepelbagaian Budaya dan Keperluan Manusia di UUM, Personaliti dan Perbezaan Individu di UMS, Agama dan Kerja Sosial dan Pengajian Kecacatan di UnisZa dan kursus Dinamika Sosial di UM. Berbeza dengan kursus yang ditawarkan di Western Illinois University yang hanya menawarkan satu kursus untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kepelbagaian klien iaitu 'Social Justice and Diversity'. Antara ciri-ciri program kerja sosial yang terdapat dalam kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial adalah seperti membezakan, menilai dan integrasi kepelbagaian sumber pengetahuan berasaskan kepelbagaian klien, menganalisis model, penilaian, pencegahan, intervensi dan pemantauan dalam kepelbagaian klien dan menunjukkan komunikasi yang efektif dalam bekerja dengan kepelbagaian klien.

i) Membezakan, menilai dan integrasi kepelbagaian sumber pengetahuan

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (98.2%) pelajar telah mempelajari 'membezakan, menilai dan integrasi kepelbagaian sumber pengetahuan termasuklah pengetahuan berasaskan kepelbagaian dalam amalan' menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial (Jadual 3). Terdapat segelintir (1.8%) pelajar yang menyatakan tidak mempelajari pernyataan tersebut. Pandangan pelajar yang tidak mempelajari kursus ini adalah dipengaruhi oleh nama kursus yang berbeza di setiap universiti. Walau bagaimanapun, sebilangan besar pelajar menyatakan telah mempelajari ciri-ciri tersebut menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial. Kursus tersebut akan menyediakan pengetahuan kepada pelajar tentang kemahiran pelajar dalam praktis kerja sosial untuk membezakan dan menilai setiap sumber dan pengetahuan tentang kepelbagaian klien. Kajian Larry (2003) menunjukkan pelajar perlu memahami kepelbagaian klien berdasarkan beberapa kursus yang perlu diikuti. Terdapat satu kursus khas yang akan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kepelbagaian klien. Namun, pelajar masih perlu mengikuti kursus yang secara spesifik mengenai kepelbagaian klien dengan lebih mendalam. Selalunya kursus tersebut adalah kursus elektif. Janet (2000) menunjukkan pemahaman pelajar tentang kursus yang lebih mendalam akan memberi kesan kepada diri mereka dan mampu kompeten dalam praktis.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja

sosial ini rendah (100%), sederhana (97.9%) dan tinggi (97.2%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang membezakan, menilai dan integrasi kepelbagaian sumber pengetahuan termasuklah pengetahuan berasaskan kepelbagaian dalam amalan menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar berupaya membuat refleksi praktis secara profesional. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan berupaya untuk memahami budaya, gender, bangsa, kelas, etnik, agama, umur, gaya hidup, serta perbezaan antara diri sendiri dengan individu lain.

ii) Menganalisis secara kritis

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (97.5%) pelajar telah mempelajari tentang 'menganalisis secara kritis model penilaian, pencegahan, intervensi dan pemantauan dalam kepelbagaian klien' menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial (Jadual 3). Terdapat sebilangan kecil (2.5%) pelajar menyatakan tidak mempelajari pernyataan tersebut. Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan tidak mempelajari mungkin dipengaruhi oleh nama kursus yang berbeza. Bagi pelajar, untuk memahami kepelbagaian klien memerlukan mereka mengikuti pelbagai kursus yang mendalam tentang kepelbagaian klien. Hal ini sama dengan kajian Larry (2003) yang menunjukkan pelajar hanya perlu mengikuti satu kursus khusus tentang kepelbagaian klien. Situasi ini seperti penawaran kursus di Western Illinois University yang hanya memerlukan pelajar mengikuti satu kursus untuk memahami tentang kepelbagaian klien. Namun begitu, kajian oleh Conrad dan Haworth (1990), Diamond (1998), Sussman, Petosa dan Clarke (1996) menyatakan kursus yang disediakan perlu memenuhi semua aspek dalam memahami tentang sesuatu isu. Sebagai contoh kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial hanya memberi maklumat utama yang perlu pelajar ketahui tentang penilaian, pencegahan, intervensi dan pemantau berdasarkan contoh mengikut kepelbagaian klien. Bagi mendapatkan maklumat yang secara terperinci, pelajar perlu mengikuti kursus lain untuk mendalam kepelbagaian klien. Penyediaan beberapa kursus untuk memenuhi semua aspek untuk memahami kepelbagaian klien akan mampu meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran pelajar mengikut kepelbagaian klien. Situasi ini sama dengan kajian Michelle (2013) dan Michelle (2016) yang menunjukkan pekerja sosial tidak hanya mengikuti satu kursus untuk memahami kepelbagaian klien. Sebaliknya, mereka perlu mengikuti kursus lain untuk mendapatkan pengetahuan lebih mendalam tentang kepelbagaian klien.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (100%), sederhana (97.9%) dan tinggi (94.4%) turut menyatakan 'Ya' terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang menganalisis secara kritis model penilaian, pencegahan, intervensi dan pemantauan dalam kepelbagaian klien menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian

akan menjadikan pelajar berupaya menyelesaikan masalah. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan mampu untuk mengkaji semula strategi penyelesaian masalah, penentuan situasi dan intervensi serta mampu mengenal, menghargai dan mengambil kira kepelbagaian dan perbezaan.

iii) Komunikasi efektif

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (98.9%) pelajar telah mempelajari tentang ‘menunjukkan komunikasi yang efektif dalam bekerja dengan kepelbagaian klien’ menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial (Jadual 3). Terdapat sebilangan kecil (1.1%) pelajar yang menyatakan tidak mempelajari pernyataan tersebut. Penemuan ini menunjukkan pelajar telah mempelajari tentang komunikasi efektif dalam bekerja dengan kepelbagaian klien menerusi kursus Kemahiran Asas kerja Sosial. Kursus tersebut telah menyediakan peluang untuk pelajar menyertai beberapa permainan rol dan latihan simulasi dalam makmal yang mengupayakan pelajar mengaplikasikan ilmu yang perlu di dalam praktis sebenar. Pendedahan ini dapat menunjukkan kepada pelajar tentang komunikasi yang efektif dalam berhadapan dengan kepelbagaian klien. Fook (1996) menyatakan komunikasi efektif sebagai proses refleksi pelajar agar mampu berada dalam praktis sebenar. Kajian Larry (2003) ada menyatakan latihan simulasi yang diberikan kepada pelajar mampu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar serta memberi gambaran sebenar tentang situasi penyampaian perkhidmatan ke atas kepelbagaian klien. Kajian tersebut menyatakan, kepakaran dan penglibatan pensyarah dalam bilik kuliah amat penting untuk menjadikan pelajar lebih kompeten dalam praktis (Conrad dan Haworth, 1990). Pengajaran yang lebih menarik akan lebih meningkatkan minat serta kefahaman pelajar tentang aspek komunikasi dengan klien.

Analisis mengikut penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap penguasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini rendah (98.4%), sederhana (99.3%) dan tinggi (98.6%) turut menyatakan ‘Ya’ terhadap pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($P \geq 0.05$) di antara ciri-ciri program kerja sosial dengan tahap penguasaan pelajar terhadap piawaian tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang telah mempelajari tentang komunikasi yang efektif dalam bekerja dengan kepelbagaian klien menerusi kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Berdasarkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia (2010), kursus yang diikuti oleh pelajar semasa dalam pengajian akan menjadikan pelajar mempunyai kompetensi dari segi komunikasi interpersonal. Menerusi kompetensi ini pengamal kerja sosial akan mampu untuk menggunakan strategi komunikasi lisan dan tulisan secara profesional serta berkeupayaan berinteraksi dengan orang lain secara bertujuan dan penuh rasa hormat.

Jadual 3: Memahami kepelbagaian klien

Nama kursus	Ciri-Ciri Program Kerja Sosial	Rendah (N=62)		Sederhana (N=146)		Tinggi (N=71)		Jumlah (N=279)		df	X ²
		YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK		
Kemahiran Asas Kerja Sosial	Membezakan, menilai dan integrasi kepelbagaian sumber pengetahuan termasuklah pengetahuan berasaskan kepelbagaian klien.	62	0	143	3	69	2	274	5	2	1.612
		100	0.0	97.9	2.1	97.2	2.8	98.2	1.8		
	Menganalisis secara kritis model	62	0	143	3	67	4	272	7	2	4.553

penilaian, pencegahan, intervensi dan pemantauan dalam kepelbagaian klien.	100	0.0	97.9	2.1	94.4	5.6	97.5	2.5		
	61	1	145	1	70	1	276	3	2	.456
Menunjukkan komunikasi yang efektif dalam bekerja dengan kepelbagaian klien.	98.4	1.6	99.3	0.7	98.6	1.4	98.9	1.1		

Nota: N= Jumlah *Signifikan pada aras $P \leq 0.05$ **Signifikan pada aras $P \leq 0.01$ ***Signifikan pada aras $P \leq 0.000$

KESIMPULAN

Penyediaan kursus untuk program kerja sosial adalah medium utama untuk melahirkan pelajar yang kompetensi dalam praktis kerja sosial. Berdasarkan penemuan kajian, semua kursus yang ditawarkan di universiti memenuhi piawaian pendidikan kerja sosial sebagai profesional, nilai dan etika kerja sosial dan memahami kepelbagaian klien. Walau bagaimanapun, penyediaan kursus untuk setiap universiti awam adalah tidak sama. Keadaan ini telah mempengaruhi sebilangan pelajar yang menganggap kursus tersebut tidak dipelajari oleh mereka. Pengkajian ini ada menyenaraikan ciri-ciri program kerja sosial untuk dipadankan dengan nama kursus yang di tawarkan mengikuti universiti. Perbezaan nama kursus menyebabkan segelintir pelajar tidak menganggap ciri-ciri program kerja sosial itu dipelajari mengikuti kursus yang disediakan. Berdasarkan penelitian, setiap universiti adalah menawarkan nama kursus yang berbeza. Bagi menyediakan pelajar program kerja sosial berpengetahuan dan berkemahiran, penyelarasan kursus yang ditawarkan dengan ciri-ciri program kerja sosial adalah perlu. Keadaan ini sama dengan universiti di barat yang menawarkan program kerja sosial. Semua universiti adalah menawarkan nama kursus dan ciri-ciri program kerja sosial yang sama di barat. Walau bagaimanapun, penemuan ini tidak mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap piawaian pendidikan kerja sosial. Pelajar yang telah mengikuti kursus kerja sosial dan memenuhi ciri-ciri program kerja sosial tidak dipengaruhi oleh tahap penguasaan mereka terhadap piawaian pendidikan kerja sosial.

RUJUKAN

- Abdul Razak Abd Manaf dan Zakiah Jamaludin. (2002). Kerja Sosial: Artikel-Artikel Pilihan. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Azhar Rezali. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan dikalangan pelajar tahun satu lepasan matrikulasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Berger, R. (2010). Encounter of a Racially Mixed Group with Stressful Situations. *Groupwork*, 19, 28-41.
- CSWE. (2008). Social Work Field Education Core Competencies and Practice Behavior. From: <http://cswe.org>
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan: Kaedah statistik Penyelidikan (Buku 1). Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Collins, K. J. (2014). Outcomes-based education and deep learning in first year sosial work in South Africa: Two case examples. *International Social Work*, 0(0), 1-13
- Eileen, J. A. (2001). Ethical Dilemmas of New York City Social Workers. Thesis Doctor of Social Welfare in the Wurzweiler School of Social Work Yeshiva University, New York.
- Ezarina Zakaria. (2006). Konsep Konflik Sosial: Satu Tinjauan untuk Kurikulum Kerja Sosial. Dalam Faizah Yunus. *Khidmat Sosial Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

- Fraenkel, J. C. & Wallen, N. E. (1996). *How To Design and Evaluate Research*. USA : McGraw Hill.
- Fook, J. (1996). *The Reflective Researcher: Social Workers Theories of Practice Research*. New South Wales: Allen & Unwin.
- Gary, H., Meenaghan, T., Anastas, J. & Metrey, G. (2002). Outcomes of Social Work Education: The Case for Social Work Self-Efficacy. *Journal of Social Work Education*, 38(1), 115-133. From: Taylor & Francis.
- Kati, N. (2002). Transferable and Negotiated Knowledge: Constructing Social Work Expertise for the Future. *Journal of Social Work*, 2(3), 317-336. Sage Publication: London, Thousand Oaks, CA and New Delhi.
- Larry, S. P. (2003). *An Evaluation of a Compassion Education Curriculum Designed for Students in the Profession of Social Work*. Dissertation Doctor of Education. The Faculty of the School of Education, San Francisco.
- Maidatulakmal Othman. (2012). *Tahap Kompetensi Pelajar Melaksanakan Kerja Amali Berpandukan Domain Psikomotor Simpson*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Magnus, P. (2009). Preparation for Social Work Students to do Cross-cultural Clinical Practice. *International Social Work*, 52(3), 375-85
- Michelle, G. B. (2013). *Cultural Competence in School Social Work: A Personal and Professional Learning Curve*. Master of Social Work Clinical Research Papers. St. Catherine University, University of St. Thomas.
- Michelle, P. M. (2016). *Cultural Competence in Social Work Practice: Exploring the Experiences of Recent MSW Graduates*. From: ProQuest number: 10127844.
- Orit, N. S. dan Begger, R. (2011). Field Education in International Social Work: Where we are and where we should go. *International Social Work*, 55(2), 225-243.
- Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia. (2010). *Bahagian Perancangan dan Pembangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat*.
- Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati. (2014). *Pengantar Kerja Sosial*. Edisi kesepuluh. Sintok, Kedah : Penerbit UUM Press
- Romberg, T. (1998). Comments: NCTM'S Curriculum and Evaluation Standards. *Teachers College Record*, 100(1), 8-21
- Saedah Siraj. (2015). *Kurikulum Masa Depan (Edisi ke-2)*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Sinnasamy, M. (2006). *Human Resource Development on Social Work: a study of Malaysia*. Working paper series, WP-2006-01-E. Nihon Fukushi University.
- Sheafor, B. W. & Horejsi, C. R. (2012). *Techniques and Guidelines for Social Work Practice* (9th eds.). Boston : Allyn and Bacon.
- Teoh, A. H. dan Fuziah, S. (2017). *The Role of Social Work Education and Professionalization of Social Work in Malaysia: The Unfinished Mission*. Kertas kerja dibentangkan dala Prosiding PESAN 2017 368-374
- Toohey, S. (1999). *Designing Course for Higher Education Philadelphia: SRHE and Open University Press*.
- Toohey, S. dan Ryan, G. (1996). Assessing the Practicum. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 21(3), 215-227
- Zastrow, C. (2000). *Introduction to Social Work and Social Welfare*. (Seventh Edition). New York : Wadsworth Publishing Company.
- Zastrow, C. (1999). *The Practice of Social Work* (Sixth Eds.). Belmont, CA : Thomson Publishing Company.

MAKLUMAT PENULIS

NURZAIMAH ASALAL

Universiti Malaya

nurzaimahasalal@yahoo.com

HARIS ABD WAHAB

Universiti Malaya

haris@um.edu.my